

SIARAN MEDIA

PENALTI RM415 JUTA TERHADAP 5 PENGISAR MAKANAN AYAM KERANA KARTEL PENETAPAN HARGA

KUALA LUMPUR, 22 DISEMBER 2023 – Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah mengeluarkan Keputusan Akhir terhadap (5) perusahaan kerana melanggar seksyen 4 Akta Persaingan 2010 (Akta 712) melalui pembentukan kartel penetapan harga makanan ayam:

- i. Leong Hup Feedmill Malaysia Sdn. Bhd. (Leong Hup);
 - ii. FFM Berhad (FFM);
 - iii. Gold Coin Feedmills (Malaysia) Sdn. Bhd. (Gold Coin);
 - iv. Dindings Poultry Development Centre Sdn. Bhd. (Dindings); dan
 - v. PK Agro-Industrial Products (M) Sdn. Bhd. (PK Agro).
- (yang di atas selepas ini akan dirujuk sebagai "perusahaan-perusahaan")

Rantaian Bekalan Industri Ayam:

Perlu difahami bahawa rantaian bekalan industri ayam terdiri daripada tiga lapisan utama; pasaran hulu, pertengahan dan hilir:

- i. Dalam pasaran hulu, aktiviti-aktiviti utama termasuklah mengimport bahan mentah untuk makanan ayam, mengendalikan kilang makanan ayam dan terlibat dalam perdagangan makanan ayam. Pihak-pihak berkepentingan dalam sektor ini termasuk pengendali kilang makanan ayam bebas (Gold Coin), pengimport bahan mentah dan *integrator* yang terlibat dalam pasaran hulu, pertengahan dan hilir yang turut serta dalam pengeluaran makanan ayam, penternakan kontrak, pengedaran dan penjualan produk ayam.
- ii. Pasaran pertengahan memfokuskan kepada pengeluaran ayam pedaging dan telur, melibatkan aktiviti seperti pengendalian ladang penternakan, ladang ayam pedaging, penetasan dan ayam penelur.
- iii. Dalam pasaran hilir, penekanan diberikan kepada pemrosesan ayam, termasuk penyembelihan, pembungkusan, pengedaran dan penjualan produk ayam kepada masyarakat awam.

Struktur industri ayam melibatkan usaha kolaborasi di kalangan pelbagai pihak, dengan setiap lapisan menyumbang kepada pengeluaran dan pengedaran keseluruhan produk ayam. Pasaran hulu memastikan ketersediaan makanan ayam, yang mana ianya penting untuk aktiviti pengeluaran ayam pedaging dan telur di pasaran pertengahan.

Berdasarkan penyiasatan oleh MyCC, telah didapati bahawa makanan ayam merupakan faktor kos utama dalam penternakan ayam, merangkumi sebanyak 72.8%

UNTUK SIARAN SEGERA MEJA BERITA/EKONOMI

daripada perbelanjaan keseluruhan. Oleh itu, sebarang gangguan atau ketidakseimbangan dalam pasaran makanan ayam boleh memberi kesan terhadap keseluruhan rantai industri dan akhirnya kepada pengguna. Perkara ini sangat membimbangkan memandangkan ayam merupakan sumber protein utama bagi majoriti pengguna di Malaysia.

Ini telah membawa MyCC untuk menumpukan penyiasatannya kepada pasaran hulu dalam rantai bekalan industri ayam, dengan tumpuan khusus kepada perusahaan pengisar makanan ayam untuk menyelesaikan punca utama yang mempengaruhi isu yang mengganggu-gugat pasaran makanan ayam.

Garis masa penyiasatan, representasi dan keputusan

Bermula pada November 2021 hingga Jun 2022, satu penyiasatan menyeluruh telah dimulakan di bawah Seksyen 14(1) Akta 712, di mana MyCC mengesyaki bahawa perusahaan-perusahaan ini terlibat di dalam perjanjian penetapan harga dan/atau amalan bersama berkenaan dengan jumlah harga makanan ayam di Malaysia. Pada 1 Februari 2022, MyCC telah membentuk satu pasukan khas untuk menyiasat isu berkaitan persaingan dalam industri ayam dan telur. Sepanjang penyiasatan, MyCC telah menjalankan serbuan, pengambilan pernyataan, permintaan maklumat dan analisis mendalam terhadap data yang diperolehi.

Berikutan itu, dari Julai hingga Oktober 2022, MyCC telah mengeluarkan Keputusan Cadangan, Keputusan Cadangan yang Dipinda dan Keputusan Cadangan Tambahan. Dari Disember 2022 hingga Januari 2023, perusahaan-perusahaan ini telah mengemukakan representasi bertulis, dengan MyCC memberi mereka tempoh lanjutan untuk tarikh pengemukaan. Seterusnya, dari Mei hingga Julai 2023, perusahaan-perusahaan ini diberi peluang untuk membentangkan hujah mereka kepada MyCC melalui representasi lisan.

Kes-kes kartel di negara-negara lain

Beberapa kes kartel, terutamanya dalam sektor-sektor yang memberi kesan secara langsung kepada kos sara hidup seperti sektor makanan dan pertanian menghadapi peningkatan pengawasan oleh pihak berkuasa seluruh pelusuk dunia. Contoh ketara dapat dilihat melalui jumlah penalti tinggi yang dikenakan oleh pihak berkuasa seantero dunia sebagai tindak balas kepada amalan antipersaingan dalam industri makanan dan pertanian. Beberapa contoh kes kartel yang melibatkan hukuman penalti yang tinggi adalah seperti berikut:

- i. Pada tahun 2018 di Amerika Syarikat (AS), Tyson Foods menyelesaikan kes yang melibatkan konspirasi untuk menetapkan harga ayam pedaging, bersetuju membayar \$90 juta (bersamaan RM418.59 juta) kepada Jabatan Kehakiman (DOJ);

**UNTUK SIARAN SEGERA
MEJA BERITA/EKONOMI**

- ii. Pada tahun 2020 di Singapura, Suruhanjaya Persaingan dan Pengguna Singapura mendapati 13 pembekal ayam segar bersalah kerana kartel perkongsian pasaran dan penetapan harga dan dikenakan penalti sebanyak S\$27 juta (bersamaan RM94.42 juta);
- iii. Pada tahun 2022 di AS, satu kes kartel daging lembu yang melibatkan Tyson Foods, National Beef Packing Company dan Cargill yang berakhir dengan penyelesaian sebanyak \$52.5 juta (bersamaan dengan RM244 juta);
- iv. Di Korea Selatan pula, terdapat satu kes pada tahun 2022 di mana 15 syarikat pemprosesan ayam terlibat di dalam kartel penetapan harga ayam pedaging selama 12 tahun. Penalti yang dikenakan adalah sebanyak €129.7 juta (bersamaan RM660 juta), serta pendakwaan jenayah terhadap lima syarikat yang terbabit.
- v. Di Brazil, kes kartel daging pada tahun 2017 yang menjejaskan EU, China dan Hong Kong telah membawa kepada penalti R\$10.3 bilion (bersamaan dengan RM9.745 bilion).

Bukti yang diperolehi daripada siasatan

Siasatan oleh MyCC meliputi tempoh antara Januari 2020 dan Mac 2022 telah mendedahkan potensi gangguan dalam pasaran makanan ayam. Ia juga mendedahkan satu siri pelbagai bukti dalam bentuk pengumuman harga, corak harga dan komunikasi di kalangan perusahaan-perusahaan.

A. Persamaan Pengumuman dan pergerakan harga yang sama:

Penyiasatan ini mendedahkan bukti kenaikan kuantum harga makanan ayam yang serupa di antara perusahaan-perusahaan tersebut di antara Januari 2020 hingga Jun 2022. Siasatan juga mendapati bahawa perusahaan-perusahaan ini menggunakan strategi dengan menyatakan bahawa kenaikan kos makanan ayam adalah disebabkan oleh peningkatan perbelanjaan bahan mentah.

Apa yang merumitkan lagi ialah, walaupun terdapat variasi di dalam komposisi bahan utama seperti kacang soya dan jagung yang digunakan dalam formula makanan ayam setiap perusahaan, namun begitu, perusahaan-perusahaan ini melaksanakan kenaikan kuantum kepada harga yang sama secara serentak walaupun formulasi unik tadi sepatutnya menghasilkan struktur kos yang berbeza untuk setiap perusahaan bagi penentuan harga. Penentuan yang sama secara kolektif yang disengajakan dalam kenaikan harga ini, dengan mengambil kira perbezaan dalam komposisi bahan mentah, menimbulkan kebimbangan lanjut tentang amalan Bersama oleh perusahaan-perusahaan.

Lebih meragukan lagi apabila kenaikan kuantum harga yang sama yang dilaksanakan oleh perusahaan ketika MyCC mengenal pasti beberapa keadaan di mana kos bahan

UNTUK SIARAN SEGERA MEJA BERITA/EKONOMI

mentah telah menurun. Namun perusahaan-perusahaan ini memilih untuk meningkatkan kuantum harga makanan ayam pada tahap yang sama. Corak-corak sama ini menyokong dengan jelas kewujudan amalan penetapan harga oleh perusahaan-perusahaan tersebut.

(B) Hubung kait dengan rekod komunikasi:

Siasatan ini merangkumi pemeriksaan menyeluruh saluran komunikasi yang telah digunakan oleh wakil-wakil perusahaan tersebut. Perbualan WhatsApp dan log panggilan yang ditemui semasa penyiasatan menunjukkan hubung kait yang ketara dengan tarikh-tarikh pengumuman harga. Hubung kait ini menguatkan lagi kes berkenaan amalan komunikasi dan keputusan penetapan harga. Ketersamaan yang konsisten antara rekod komunikasi dan keputusan harga mencadangkan usaha yang sengaja untuk menyelaraskan tindakan mereka yang menjejaskan persaingan dalam pasaran makanan ayam.

(C) Nota-nota Mesyuarat dan Keterangan Saksi:

MyCC mendapati bahawa wakil-wakil perusahaan ini telah menghadiri mesyuarat anjuran Persatuan Pengisar Makanan Malaysia (Malaysian Feedmillers Association atau MFA). Walaupun minit mesyuarat rasmi tidak merekodkan sebarang pertukaran maklumat harga dan kos yang sensitif, MyCC telah menemui nota peribadi wakil salah satu perusahaan yang mencadangkan terdapat perjanjian dan/atau amalan bersama berkaitan dengan kenaikan kuantum harga makanan ayam. Kenyataan saksi dengan jelas mengesahkan bahawa terdapat pertukaran lisan berkaitan maklumat harga bagi bahan mentah sebelum, semasa dan selepas mesyuarat MFA.

Penalti Kewangan dan Arahan

MyCC berhak mengenakan penalti kewangan tidak melebihi 10% daripada pusing ganti seluruh dunia dan/atau arahan lain yang difikirkan sesuai di bawah Akta 712. MyCC dalam menentukan penalti kewangan dalam kes tertentu akan merujuk kepada Garis Panduan kami mengenai Penalti Kewangan di mana hanya pusing ganti yang berkaitan semasa tempoh pelanggaran akan digunakan untuk mengira penalti. Berdasarkan Garis Panduan yang sama, faktor pengurangan dan penambahan akan dipertimbangkan, jika ada.

Dalam hal ini, MyCC telah mengenal pasti bahawa terdapat 3 tempoh pelanggaran berasingan yang melibatkan 5 perusahaan pengisar makanan ayam yang berbeza:

Tempoh Pelanggaran	Perusahaan
31 Januari 2020 – 31 Mac 2020	PK Agro, Gold Coin, FFM dan Leong Hup
1 Oktober 2020 – 31 Januari 2021	PK Agro, Gold Coin, FFM dan Leong Hup
1 Februari 2021 – 30 Jun 2022	PK Agro, Gold Coin, FFM, Leong Hup dan Dindings

**UNTUK SIARAN SEGERA
MEJA BERITA/EKONOMI**

Berdasarkan pengiraan terperinci yang dilakukan oleh MyCC, perusahaan-perusahaan tersebut dikenakan penalti kewangan berjumlah sekitar **RM415,495,696.49**.

No.	Perusahaan	Jumlah
1.	FFM	RM42,689,583.64
2.	Gold Coin	RM97,511,670.48
3.	Leong Hup	RM157,470,027.02
4.	PK Agro	RM47,800,793.00
5.	Dindings	RM70,023,622.35
Jumlah Keseluruhan		RM415,495,696.49

Selain daripada penalti kewangan ini, MyCC juga telah mengeluarkan arahan yang perlu dipatuhi oleh perusahaan-perusahaan seperti berikut:

- i. Perintah Berhenti dan Hentikan (*cease and desist*) - perusahaan-perusahaan perlu menghentikan penyertaan daripada terlibat dalam kartel makanan ayam;
- ii. Laporan Bulanan Harga Makanan Ayam - perusahaan-perusahaan perlu mengemukakan laporan mengenai peningkatan dan penurunan harga makanan ayam;
- iii. Kaji dan Perkukuhkan Program Latihan Pematuhan - FFM, Gold Coin, dan Dindings perlu meningkatkan tahap program latihan pematuhan undang-undang persaingan mereka dan mendaftarkan pekerja dan ahli lembaga mereka;
- iv. Pelaksanaan Program Pematuhan - PK Agro dan Leong Hup perlu mendaftarkan pekerja-pekerja dan ahli lembaga mereka dalam program pematuhan undang-undang persaingan; dan
- v. Pengiktirafan Pelanggaran Undang-undang Persaingan sebagai Salah Laku - perusahaan-perusahaan perlu memasukkan peruntukan dalam Kod Tingkah Laku yang mengakui bahawa keterlibatan di dalam pelanggaran Undang-undang Persaingan sebagai salah laku.

“Kartel adalah kejahatan tertinggi di dalam undang-undang persaingan dan satu bentuk sabotaj ekonomi di peringkat tertinggi, terutamanya di dalam kes berkepentingan awam. MyCC telah ditugaskan oleh kerajaan untuk menghapuskan kartel dan kami akan terus melakukannya tanpa rasa takut atau pilih kasih. Seperti yang telah kami maklumkan sebelum ini, kami masih memantau industri ayam sejak keputusan kerajaan baru-baru ini untuk menghentikan subsidi dan kawalan harga ayam. Kami berharap pengajaran daripada kes ini akan menjadi penghalang kepada semua terutamanya bakal-bakal kartel,” ujar Iskandar Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif MyCC.

-tamat-

UNTUK SIARAN SEGERA
MEJA BERITA/EKONOMI

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Bahagian Komunikasi dan Advokasi

Telefon Bimbit: +6019 269 6037

Emel: cad@mycc.gov.my

Mengenai Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

Ditubuhkan pada April 2011 melalui Akta Suruhanjaya Persaingan 2010, Suruhanjaya Persaingan ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010 (Akta), yang dilaksanakan untuk melindungi proses persaingan yang seterusnya akan merangsang produktiviti, keusahawanan yang berterusan dan inovasi dalam kalangan perusahaan, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta ini terpakai kepada semua aktiviti perdagangan yang dijalankan di dalam dan di luar Malaysia yang memberi kesan kepada persaingan dalam pasaran Malaysia. Ia menyediakan kerangka pengawalseliaan termasuk kuasa untuk menyiasat, menghakimi, dan mengenakan hukuman kepada pelaku-pelaku yang melanggar undang-undang persaingan.

MyCC telah menyambut ulangtahun yang ke-12 pada 1 April 2023 dan sehingga kini, MyCC telah mengambil tindakan tegas terhadap hampir 250 syarikat berkaitan dengan kartel dan penyalahgunaan kedudukan dominan yang telah dengan jumlah keseluruhan penalti kewangan yang telah dikenakan melebihi RM150 juta. Keutamaan semasa MyCC adalah termasuk meminda Akta untuk memperkenalkan rejim kawalan penggabungan, menumpukan usaha kepada kartel tipuan bida, kartel dalam sektor makanan dan pertanian, serta menangani cabaran yang dihadapi oleh perundangan dan dasar persaingan berikutan ekonomi digital.

Untuk maklumat lanjut mengenai MyCC, sila layari laman sesawang www.mycc.gov.my.